



10 Disember 2016
SIARAN MEDIA

KONVENSYEN HALA TUJU KOPERASI BELA RAKYAT 2016

Bukit Merah, 10 Disember 2016 - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada hari ini telah menganjurkan Konvensyen Hala Tuju Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) 2016 di Bukit Merah Laketown Resort, Perak. Konvensyen yang berlangsung selama dua hari disempurnakan perasmiannya oleh **YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan** dan turut dihadiri oleh **Presiden ANGKASA, YBhg. Dato' Hj. Abdul Fattah Hj Abdullah.**

Untuk makluman, pelancaran KOBERA telah disempurnakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 20 Julai 2008 di Pusat Konvensyen Putrajaya. Konsep penubuhan KOBERA mensasarkan golongan rakyat miskin dan ditubuhkan di 576 DUN di seluruh negara. Struktur keanggotaan KOBERA dirangka dengan menyesuaikan hasrat kerajaan bagi membasmi kemiskinan iaitu terdiri daripada sama ada salah satu atau komponen kumpulan sasar berikut:

- I. Ketua isi rumah (KIR) yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) asas isi rumah.
- II. Individu berusia 18 tahun yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah paras PGK perkapita.
- III. Orang asli, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan anak yatim yang termasuk dalam kategori di atas, dan;
- IV. Pemimpin masyarakat yang terlibat dengan program kemiskinan dalam kawasan DUN sebagai penggerak kepada koperasi ini.

Penganjuran Konvensyen ini merupakan usaha ANGKASA membantu menyebarkan maklumat mengenai kemudahan yang disediakan dalam peluang pembiayaan dan perkongsian langsung mengenai strategi perniagaan. Konvensyen yang dianjurkan buat kali pertama ini disertai oleh seramai 400 koperator dari seluruh negara.

Sektor Pembangunan Komuniti merupakan salah satu sektor yang ditubuhkan oleh ANGKASA untuk menjadi peneraju menggerakkan warga koperasi komuniti khususnya KOBERA. ANGKASA sebagai badan yang menerajui gerakan koperasi dari semasa ke semasa menerangkan peluang aktiviti dan perniagaan kepada ahlinya melalui kursus dan bengkel yang dijalankan secara berkala.

ANGKASA berharap dengan penganjuran konvensyen kali ini, agenda pembangunan KOBERA dapat dipertingkatkan dan organisasi berkaitan dapat membantu memperkasakan ekonomi warga KOBERA sekaligus menyumbang kepada perolehan Gerakan Koperasi Negara.

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Sehingga 30 Jun 2016, ANGKASA menaungi kira-kira 13,247 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira – kira 7 juta orang. Sehingga 30 Jun 2016 jumlah syer / yuran anggota adalah sebanyak RM 13.95 billion, jumlah asset RM 125.49 billion dan perolehan sebanyak RM 20 billion (sasaran 2020, RM50 billion).
(Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat persijilan system pengurusan kualiti (ISO 9001:2008) dan system pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA

Tel : 03-7884 6493

Faks: 03-7884 6489